

TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN PENGECAS BERKELAJUAN
TINGGI TNB ELECTRON DI LEBUHRAYA PLUS**

16 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

**KAWASAN REHAT DAN RAWAT
AYER KEROH (ARAH UTARA)**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Yang Berbahagia Dato' Wira Wan Ahmad Uzir Haji Wan Sulaiman,
Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)
Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Hassan,
Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Mohd Izani Ghani,
Ahli Lembaga Pengarah, PLUS Malaysia Berhad

Yang Berbahagia Dato' Indera Ir. Baharin Din,
Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Tenaga Nasional Berhad

Yang Berbahagia Datuk Megat Jalaluddin Megat Hassan
Chief Strategy and Ventures Officer, Tenaga Nasional Berhad

Yang Berbahagia Datuk Zakaria Ahmad Zabidi
Ketua Pegawai Operasi, PLUS Malaysia Berhad

Dif-dif jemputan, rakan-rakan media dan seterusnya hadirin yang saya hormati sekalian.

Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat bagi memastikan kelancaran majlis pada hari ini. Sesungguhnya, majlis pada hari membuktikan kesungguhan kita dalam membantu usaha negara untuk berkembang ke arah sebuah negara berdaya tahan iklim dan rendah karbon.
2. Bagi memastikan keberhasilan usaha ini, Kementerian Kerja Raya telah bersama-sama melaksanakan aspirasi Kerajaan dalam mencapai Negara Rendah Karbon menjelang tahun 2040 melalui pembangunan kenderaan elektrik (EV). Melalui inisiatif ini, Kerajaan Malaysia telah melancarkan Dasar Tenaga Negara (DTN) 2022-2040 pada 19 September 2022 dan menggariskan pelan strategi bagi mencapai pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GHG Emission Reduction) menjelang 2030.
3. Bagi memastikan aspirasi ini dapat dicapai, KKR komited untuk membangunkan infrastruktur pengecas pantas kenderaan elektrik EV di semua lebuhraya bagi meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik dalam negara.

PELAN PEMBANGUNAN MOBILITI RENDAH KARBON 2021-2030

4. KKR juga telah memulakan strategi bagi melaksanakan **Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 (Low Carbon Mobility Blueprint)** yang telah menggariskan 4 Bidang Fokus, 10 Strategi dan 45 Pelan Tindakan untuk sektor pengangkutan darat

bagi mencapai pengurangan tenaga serta pelepasan gas rumah hijau (GHG) menjelang 2030.

5. Antara sasaran yang telah ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 adalah:
 - a) Mencapai 9,000 poin pengecasan AC (Alternate Current) dan 1,000 poin pengecasan DC (Direct Current) di seluruh negara menjelang 2025, dan
 - b) Memastikan poin pengecasan EV pantas dipasang bagi setiap 100km di sepanjang lebuh raya utama menjelang 2023-2025.

KEY PERFORMANCE INDEX (KPI) KKR

6. KPI Kementerian Kerja Raya telah menyasarkan **20 pengecas pantas kenderaan elektrik DC** yang akan dibangunkan oleh pelbagai *Charge Point Operator* (CPO) pada tahun 2023 di Lebuhraya Utara Selatan yang mana lebuh raya ini merupakan tulang belakang yang menghubungkan Singapura ke Thailand.
7. Selain itu, pihak LLM juga telah mengenalpasti 63 lokasi poin pengecas pantas kenderaan elektrik DC di Kawasan Rehat & Rawat serta Hentian Sebelah yang terpilih di lebuh raya bertol di seluruh Malaysia.
8. Saya juga dimaklumkan bahawa **dua puluh dua (22) pengecas pantas kenderaan elektrik DC** telah beroperasi di seluruh lebuh raya antaranya di R&R Ayer Keroh Arah Utara, R&R Tapah Arah Utara dan R&R Paka Arah Utara di Lebuhraya LPT2.

9. KKR juga telah memberi beberapa kelulusan di lebuhraya sekitar Lembah Klang dan terdapat empat puluh lima (45) lagi permohonan pembangunan poin pengecas pantas kenderaan elektrik dalam semakan dan bakal diluluskan.
10. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia dan syarikat pengendali lebuhraya atas komitmen dan sokongan yang telah dan akan diberikan dalam menyahut aspirasi Kerajaan mencapai Negara Rendah Karbon menjelang tahun 2040.
11. Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada PLUS dan TNB kerana telah bekerjasama untuk menyediakan pengecas berkelajuan tinggi TNB Electron di Lebuhraya PLUS.
12. Suka saya maklumkan, bahawa pengguna pengecas pantas kenderaan elektrik DC TNB Electron dapat menikmati kemudahan ini **secara percuma sehingga hujung Februari 2023** di tiga lokasi iaitu **R&R Ayer Keroh Arah Utara, R&R Tapah Arah Utara dan R&R Paka Arah Utara di Lebuhraya LPT2.**
13. Saya juga ingin menyeru kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan infrastruktur pengecas EV di lebuhraya untuk mematuhi garis panduan yang telah dikeluarkan bagi menjamin keselamatan awam.

PENUTUP

14. Hadirin sekalian, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua agensi yang terlibat pada hari ini dalam memastikan pembangunan infrastruktur pengecas EV yang selamat bagi menjamin keselamatan awam khususnya pengguna lebuhraya.

15. Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan pengecas berkelajuan tinggi TNB Electron di Kawasan Rehat dan Rawat Ayer Keroh Arah Utara pada hari ini.

Sekian, terima kasih.